

## **Titah ucapan pembukaan Dewan Undangan Negeri Kelantan oleh Sultan Muhammad V: satu analisis retorik**

### **ABSTRAK**

Kajian ini merupakan penelitian aspek retorik dalam titah ucapan KDYMM Sultan Muhammad V, Sultan Kelantan ke-29. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti teknik retorik dalam teks rasmi diraja, untuk menganalisis dan menghuraikan aspek penggunaan kosa kata, kekuatan dan keberkesanannya seni pengucapan Sultan Muhammad V. Data kajian ini dianalisis secara kuantitatif untuk meneliti peratusan penggunaan teknik retorik, dan secara kualitatif, iaitu dengan huraihan deskriptif teks berlandaskan prinsip ketiga teori retorik moden Enos dan Brown (1993), iaitu untuk memberikan kesan mendalam terhadap ujaran atau penulisan. Sebanyak 251 ayat telah dicerakinkan daripada tiga teks ucapan, di samping terdapat 27 jenis teknik retorik yang telah dikenal pasti dengan ditandai ungkapan tertentu berdasarkan kategori Lakuan Bahasa. Hasil kajian mendapati bahawa Sultan Muhammad V menggunakan beberapa elemen retorik dalam titah ucapannya, iaitu aliterasi, polisindeton, repitisi, soalan retorik, metafora, simile, alusi, dan kosa kata asing daripada bahasa Inggeris dan bahasa Arab. Teknik dan elemen yang dimanfaatkan dalam pengucapan ini mampu memberikan kesan terhadap kefahaman khalayak.

**Keyword:** Elements of rhetoric; Foreign word; Rhetorical techniques; Speech acts